

Malam Puisi Riong buka tirai di UMP

Oleh Rashidah Ilimi
Abd Rahim
rashidah@bharian.com.my

MALAM Puisi Riong membuka tirai pertamanya tahun ini di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan menjadikan masalah pembunuhan dan pembunuhan fenomena membimbangkan mutakhir ini sebagai tema.

Penyanyi jazz, Taheera Rosheena Mohamad dan Peserta Akademi Nasyid Musim Ketiga, Cicik, akan menjadi daya tarikan kepada generasi muda khususnya khalayak di luar kompleks sastra untuk hadir pada program yang akan berlangsung Kompleks Sukan UMP.

Taheera yang sedang meningkat namanya dalam persada seni tanah air dan tampil kali kedua di pentas Malam Puisi Riong, bercadang berkongsi dengan khalayak tiga lagu terbarunya sebagai pengisian malam bertema *Apakah Dosaku*, pada 10 Januari, jam 8.30 malam.

"Saya memilih untuk mempersembahkan tiga karya terbaru saya untuk berasa lebih 'dekat' dengan khalayak yang hadir pada acara Malam Puisi Riong BH-UMP," katanya yang pernah melagukan puisi Sasterawan Negara (SN), Datuk (Dr) A Samad Said, *Rindu Ibu* dan *Khazanah* sambil diiringi Orkestra Filharmonik.

Beliau menyifatkan kerjasama antara BH dan UMP sedikit sebanyak dapat memupuk kesedaran dan mendidik masyarakat terhadap masalah pembunuhan dan pembunuhan bayi yang berleluasa ketika ini, perlu ditangani secara bijaksana.

Malam Puisi Riong anjuran bersama *Berita Harian* dengan UMP bersempena Kempen Kami Prihatin: Apakah Dosaku, turut mengadakan Sayembara Puisi Riong peringkat IPTA pada jam 9 pagi hari yang sama dan juara pertandingan diberi peluang beraksi pada malamnya.

Program ini mendapat kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Kebudayaan universiti Malaysia (MAKUM) dan Bukit Gombang Resort City.

Kempen Kami Prihatin: Apakah Dosaku akan dilancarkan isteri Perdana Menteri, Datin Rosmah Mansor akan



Dr Daing Nasir Ibrahim

berlangsung di UMP pada 24 Januari ini dan beliau akan menyanyikan lagu terabit sambil diiringi penyanyi jemputan, Ramli Sarip dan Anna Rafali.

Cicik atau nama sebenarnya Mohd Shukri Nasron, bakal mempersembahkan dua lagu puisi pada malam itu dan bercadang memberi nafas kontemporari kepada lagu nyanyianya sesuai dengan selera generasi muda.

"Seperti biasa saya akan mempersembahkan *Berita Buat Kawan* karya Ebiyet G Ade yang sering dikongsi dengan khalayak setiap kali saya tampil pada malam puisi Riong. Lirik dan melodinya yang berunsur kehidupan bertepatan dengan tema *Apakah Dosaku*."

"Melodi dan lirik lagu puisi mampu menarik perhatian pelbagai golongan pendengar. Justeru, saya percaya pendekatan ini tidak hanya sekadar untuk ber-

hibur, malah membawa khalayak menghayati mesej yang ingin disampaikan penganjur pada malam terabit," katanya.

Antara nama besar yang akan beraksi pada Malam Puisi Riong BH-UMP ialah Penerima Anugerah Penulisan SEA 2000, Prof Madya Dr Lim Swee Tin; penyair Pahang, Marsli NO; penyanyi popular, Ramli Sarip; Juara *Imam Muda*, Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan dan penyair indie, Fynn Jamal.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, dijadualkan beraksi di pentas puisi pada malam terabit bagi memeriahkan acara.

Malam Puisi Riong pada tahun lalu membuka tirainya di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 3 Februari, sebelum disusuli Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim (17 Mac); Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai (27 Mac) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (7 April).

Ia diikuti Majlis Bandaraya Shah Alam pada 30 April, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak (2 Ogos); UTM Skudai (26 September); Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang (2 November) dan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) di Istana Budaya (12 November lalu).

